

>>Oleh Norazlina Ismail
am@hmetro.com.my

Cicak tokek hilang seri

Dulu bernilai puluhan ribu ringgit kini tiada sambutan

FOTO | Danial Saad

PERAI: Cicak tokek yang dianggap mempunyai nilai tersendiri kerana boleh dijual pada harga mencecah sehingga puluhan ribu ringgit kini dikatakan tidak lagi mendapat sambutan hangat seperti beberapa tahun lalu.

Seorang pemburu dan pemilik haiwan berkenaan yang ingin dikenali sebagai Abdul, 40-an, berkata, permintaan pembeli terhadap cicak tokek tidak seperti dulu.


“Sebelum ini, pada sekitar 2010 didapati cicak tokek menjadi kegilaan ramai selepas didakwa mempunyai khasiat hingga mampu mengubati penyakit HIV.

“Tetapi kini permintaan terhadap tokek semakin berkurangan dan sukar mendapatkan pembeli yang berminat membeli haiwan berkenaan,” katanya.

Abdul berkata, dia pernah meraih keuntungan mencecah sehingga puluhan ribu ringgit beberapa tahun lalu apabila ada pembeli berminat membeli cicak tokek di peliharaannya.

Menurutnya, ketika itu rumahnya kerap dikunjungi orang ramai yang berminat membeli dan melihat cicak tokek berkenaan sehingga larut malam.

Keadaan itu menyebabkan



BESAR...Abdul menunjukkan cicak tokek terbesar peliharaannya.

kehidupan saya agak terganggu sehingga terpaksa berpindah rumah dua kali bagi mengelakkan terus diganggu peminat cicak tokek,” katanya.

Menurutnya, sehingga kini dia masih memelihara enam ekor cicak tokek dan seekor daripadanya mencecah 16 sentimeter.

Dakwanya, cicak tokek di negara ini adalah spesies paling cantik berbanding cicak tokek di beberapa negara lain seperti Thailand dan Filipina kerana selain bersaiz besar dan mempunyai warna serta bentuk badan menarik.

Abdul berkata, dia juga bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin membuat sebarang kajian saintifik.